

tak Nordin dalam filem *Kelisa*. Tanpa ujian, saya diterima berlakon," ujarnya.

Dia menerima tawaran itu sebagai usaha meneroka bidang baru bagi mengukur kemampuan diri.

"Saya masih tidak puas hati dengan lakonan dalam *Kelisa*. Banyak kelemahan terutama gerakan-gerakan yang saya rasa perlu dibaiki bagi mencantikkan lagi filem itu," katanya.

Ruzaidi bercadang terus berlakon dan mengekalkan identiti sebagai pelakon filem aksi.

"Malaysia tidak ramai pelakon filem aksi khususnya dalam bidang seni silat berban-

ding wira filem cinta," ujar jurulatih silat yang kini mengajar di Klang.

Sementara itu, *Kelisa* mungkin menjadi filem pertama dan terakhir Mahiza Bakri apabila dia mengambil keputusan mengundurkan diri daripada bidang seni lakon kerana tidak ada waktu. **17 OCT 1991**

Gadis yang sudah bertunang ini memegang watak utama sebagai Sara dalam *Kelisa*. Selain menjayakan watak seorang ahli perniagaan, Mahiza juga mempamerkan kemahirannya bersilat.

Dia pernah menduduki tempat ketiga dalam Pertandingan Silat Kebangsaan '88 dan tempat kedua Sukan

Malaysia di Perak pada 1989.

"Saya mungkin berhenti berlakon kerana tidak punya waktu, susah dapat cuti," kata Mahiza yang bertugas sebagai kerani di Fel-da, Kuala Lumpur.

Menurutnya, selepas *Kelisa* dia menerima banyak tawaran berlakon, namun semuanya ditolak atas alasan tidak ada waktu.

"Masa penggambaran *Kelisa* dulu saya ambil cuti tanpa gaji selama sebulan," ujarnya. **B. Harian (M)**

Mahiza bagaimanapun tidak merasa rugi meninggalkan bidang lakonan.

"Saya bukan mengejar *glamour*. Ia hanya hobi," katanya.

WAK tertarik hati membaca satu berita tentang Persisi dan Perwanit yang nak adakan seminar tentang silat secara berasingan dalam masa seminggu.

Cakap terus terang, Wak sebenarnya terkejut membaca berita itu. Antara percaya dengan tak percaya saja dibuatnya.

Wak percaya, Perwanit tentu ghairah untuk lihat berapa ramai orang yang akan hadir dalam seminar anjuran Persisi hari ini. **20 OCT 1991**

Begitu juga Persisi, tentu ghairah untuk lihat berapa ramai orang yang akan hadir dalam seminar anjuran Perwanit minggu depan nanti.

Mereka juga tentu akan bandingkan berapa banyakkah keputusan yang akan dibuat di akhir seminar-seminar itu nanti. Senarai siapakah yang lebih panjang? **Berita Minggu**

Wak fikir, perkara seperti ini tak seharusnya berlaku. Tapi, apa nak dikata, ia telah terjadi.

Jadi harapan Wak ialah mudah-mudahan ia tak akan berulang lagi pada masa depan. Kurang manislah orang tengok dari luar...

□ □ □ □ □